

16 SEP 1999

MUFTI PERLIS BUAT LAPORAN BERHUBUNG KENYATAAN PALSU

KANGAR, 16 Sept (Bernama) -- Mufti Kerajaan Perlis, Datuk Alim Panglima Mat Jahya Hussin membuat laporan polis di sini semalam berhubung satu kenyataan melalui internet yang kononnya dikeluarkan oleh beliau.

Dalam kenyataannya di sini hari ini, Mat Jahya menafikan ada mengeluarkan kenyataan sedemikian kepada media massa atau melalui internet.

Beliau kesal dengan penyebaran kenyataan itu yang menyebut kononnya beliau mengajak umat Islam berjihad menentang kezaliman Barisan Nasional (BN) di bawah pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kenyataan tersebut dikeluarkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab dan merupakan fitnah dan rekaan semata-mata," katanya.

Beliau berkata perbuatan yang dilakukan oleh penulis berkenaan adalah fitnah besar dan mereka akan menerima padahnya kerana dosa fitnah lebih besar daripada dosa membunuh.

-- BERNAMA

RIS AD NMO